

KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA

ISU KEMALANGAN DI LPT2

Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) telah dibuka sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Sejak pembukaannya, terdapat banyak aduan dari pengguna lebuhraya mengenai ketidakselesaan pemanduan di LPT2 kerana permukaan jalannya yang beralun. Selain itu, berbagai aduan juga dihebahkan dalam media sosial bahawa faktor jalan beralun adalah punca utama kemalangan di LPT2.

Secara amnya, permukaan lebuhraya ini berada dalam keadaan yang baik. Namun demikian, Kementerian ini mengambil perhatian tentang beberapa lokasi di LPT2 yang mempunyai permukaan jalan yang beralun. Sebagai usaha jangka panjang untuk menilai tahap keselesaan pemanduan yang berhubung kait dengan tahap kerataan permukaan jalan, maka Kementerian telah menjalankan Ujian Profiling IRI (International Roughness Index) bagi LPT2 selepas lebuhraya telah beroperasi kepada trafik lebih dari 10 bulan.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah bersama-sama turun padang bersama pihak Media untuk menyaksikan sendiri bagaimana Ujian Profiling ini dijalankan di LPT2 oleh pihak ketiga, IKRAM Services Sdn Bhd pada 28 Oktober 2015.

Keadaan permukaan jalan telah diimbas menggunakan Kenderaan Road Scanner yang direkabentuk oleh Australian Road Research Board. Kenderaan ini dapat mengambil data secara saintifik menggunakan laser dan bacaan komputer untuk mengimbas keadaan permukaan jalan serta dapat menyemak *crossfall* jalan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Road Scanner (IRS)

Berdasarkan keputusan Ujian IRI ataupun Indeks Kerataan Jalan awalan yang telah dijalankan, didapati cuma 0.6% daripada keseluruhan ujian awalan Jalan LPT2 mempunyai IRI melebihi 3.8 m/km. Keputusan IRI ini juga menepati KPI Lembaga Lebuhraya Malaysia - Pavement Durability Performance Measure 2015 (PDPM) dan berada pada tahap nilai yang dibenarkan iaitu kurang daripada 5% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jumlah 0.6% ini adalah jauh lebih kecil daripada jangkaan 20% keseluruhan panjang LPT2 yang dianggarkan mempunyai permukaan beralun sebelum ujian IRI sebenar dijalankan.

PDPM 1	Roughness (International Roughness Index, IRI)
PDPM 1a	No more than 15% of the network have IRI > 2.8m/km.
PDPM 1b	No more than 5% of the network have IRI > 3.8 m/km.

Jadual 1: Pengukuran Performance Jalan menggunakan Nilai IRI (Sumber: LLM KPI 2015)

Kementerian juga telah memadankan rekod statistik kemalangan maut dengan Indeks Kerataan Jalan (IRI) dan mendapati bahawa lokasi kemalangan maut tidak berlaku di lokasi beralun tetapi di jajaran yang lurus dan mempunyai permukaan jalan yang baik.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Faktor manusia seperti memandu melebihi hadlaju terutamanya di waktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan adalah punca utama kemalangan di LPT2. Justeru itu, jalan beralun adalah bukan punca kemalangan di LPT2 seperti mana yang ditemui daripada ujian IRI tersebut. Pihak Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS) turut mengesahkan bahawa permukaan jalan LPT2 dibina mengikut standard piawaian antarabangsa berdasarkan ujian berasingan yang dijalankan.

Daripada ujian IRI tersebut, Kementerian turut mengenal pasti beberapa lokasi jalan beralun yang perlu diperbaiki untuk mempertingkatkan keselesaan pemanduan dan keselamatan bagi pengguna lebuhraya. Justeru itu, beberapa langkah serta intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan di lokasi-lokasi strategik bagi membantu meminimumkan risiko kemalangan di LPT2.

Antaranya adalah:-

- i) menambahbaik permukaan lebuhraya dengan menggunakan kaedah *resurface* dan *regulate*,
- ii) membaikpulih permukaan lebuhraya dan sistem perparitan di lokasi-lokasi air melintas,
- iii) menambah baik permukaan turapan jalan menerusi penggunaan bahan-bahan khas seperti *porous asphalt*, *micro surfacing*, *whisper grip* & *vibra line*,
- iv) pemasangan Papantanda Amaran dilokasi kerap berlakunya kemalangan,
- v) memaparkan peringatan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya pada Papantanda Elektronik (VMS) di sepanjang lebuhraya,
- vi) memasang Yellow Transverse Bar, Alert / Warning Bar dan sticker pantulan cahaya di struktur Rel Penghadang (Guardrail) serta Parapet Jambatan,
- vii) memasang Gegelung Dawai Berduri (Barbed Wire) di lokasi yang sering dicerobohi lembu dan kerbau;
- viii) pihak Polis, JPJ dan SPAD dan agensi-agensinya terlibat akan terus melaksanakan penguatkuasaan disepanjang LPT2.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Ujian IRI ini akan diteruskan dan Audit Keselamatan Jalanraya (RSA) akan diadakan dari semasa ke semasa bagi menjamin keselamatan pengguna LPT2. Namun Kementerian berharap pengguna LPT2 dapat memanfaatkan kemudahan jajaran LPT2 ini secara berhemah dengan mematuhi hadlaju yang telah ditetapkan di lebuhraya ini.

YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Hj. Yusof

Menteri Kerja Raya

29 November 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my